


DATE : 10 OKTOBER 2023
PUBLICATION : KOSMO
SECTION : BUSINESS
HEADLINE : MASA TERBAIK BELI EKUITI MALAYSIA
CATEGORY : COMPANY NEWS

38 | Niaga!

Kosmo! SELASA 10 OKTOBER 2023



TENG BOO optimis pasaran ekuiti tempatan telah mula bergerak ke arah lebih positif, disokong pemulihan situasi ekonomi dan pengukuhan kepimpinan politik negara.

Masa terbaik beli ekuiti Malaysia

PETALING JAYA – Masa depan ekuiti Malaysia dilihat cerah, meskipun berdepan cabaran seperti pemulihan pandemik, ketegangan geopolitik, isu politik, inflasi global yang meningkat, kadar tukaran mata wang tidak stabil serta corak iklim ekstrem.

Individu dilantik oleh icapital.biz Berhad, sebuah dana tertutup yang disenaraikan di Bursa Malaysia, Tan Teng Boo berpancangan roda perubahan positif dalam pasaran ekuiti tempatan telah mula bergerak, meskipun perubahan asas dan struktur akan mengambil masa.

“Ekonomi dan politik Malaysia secara beransur-ansur telah berubah kerana pengaruh negatif daripada kepimpinan politik lama tidak lagi berpanjangan,” katanya dalam satu kenya-

taan semalam.

Mengulas lanjut, Teng Boo menjelaskan, di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Malaysia telah mengambil langkah betul dengan kekal berkecuali dalam peningkatan persaingan antara Amerika Syarikat dan China.

“Mengapa kita mesti memilih, kita perlu berkawan dengan semua. Sebagai ekonomi terbuka, Malaysia perlu bersahabat dengan semua pihak,” jelasnya.

Melangkah ke hadapan, beliau melihat peluang baik untuk saham Malaysia merekodkan prestasi mantap berbanding sebelumnya.

Katanya, selepas menjerat pelabur dalam rali *bear market* (pasaran menurun) sejak 2014, Malaysia kini berada di persim-

pangan yang kritikal.

“Buat pertama kali dalam beberapa tahun, saya lebih optimistik tentang masa depan Malaysia. Terima kasih kepada penumpuan faktor yang positif, kini ada lebih banyak sebab untuk membeli saham Malaysia untuk jangka panjang walaupun kita masih menghadapi banyak cabaran.

“Tidak ada keperluan untuk menentukan masa tepat untuk memasuki pasaran. Memilih saham yang betul dan melabur untuk jangka panjang adalah strategi yang lebih baik,” ujarinya.

Teng Boo akan memperincikan pandangannya mengenai Malaysia pada Hari Pelabur 2023 Capital Dynamics dan icapital.biz Berhad pada Ahad, 5 November depan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.